



**JABATAN PERDANA MENTERI
AGensi PENGURUSAN BENCANA NEGARA**

**UNTUK
SIARAN SEGERA**

SIARAN MEDIA

RAKAN NADMA HANTAR MISI BANTUAN KEMANUSIAAN KE KELANTAN DAN TERENGGANU

SHAH ALAM, 4 Disember 2024 – Rakan NADMA Disaster Simulation Exercise (RANDEX) hari ini menyampaikan misi bantuan kemanusiaan kepada mangsa banjir yang terjejas di Kelantan dan Terengganu.

Sebanyak enam buah treler yang membawa barangan bantuan seperti bekalan makanan, kit kebersihan, kit keluarga, kit kembali ke sekolah digunakan dalam misi kemanusiaan ini. Lima unit treler dihantar ke Kelantan dan satu treler dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan pula ke Kuala Terengganu.

Pelaksanaan misi ini dikoordinasikan melalui kolaborasi strategik antara NADMA sebagai agensi penyelaras, RED A Humanitarian Development Global, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kelantan, dan pelbagai NGO di bawah Rakan NADMA. Keberkesanan penghantaran bantuan turut diperkukuh dengan kerjasama erat Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Negeri dan PKOB Pusat yang memastikan pengurusan logistik dan penyampaian bantuan berjalan lancar.

Penyumbang utama kepada misi ini ialah GLC Demi Rakyat dan Negara (GDRN) yang telah menyumbangkan sebanyak RM13.7 juta. GRDN merupakan sebuah jaringan tanggungjawab sosial yang melibatkan 23 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Selain daripada penghantaran keperluan asas untuk mangsa banjir, dana yang disumbangkan oleh GRDN ini juga digunakan untuk memberi bantuan seperti perkhidmatan klinik bergerak, perkhidmatan perubatan dan program baik pulih infrastruktur kepada mereka yang terjejas dengan bencana.

Sokongan GDRN kepada Rakan NADMA ini mencerminkan sinergi yang baik antara kerajaan, syarikat swasta serta NGO di seluruh negara dalam membantu mangsa-mangsa bencana membina semula kehidupan mereka. Setiap bentuk bantuan ini mencerminkan keprihatinan mendalam terhadap keperluan mangsa banjir dalam usaha membina semula kehidupan mereka.

Rakan NADMA merupakan satu platform kerjasama antara pihak Kerajaan dengan pelbagai badan bukan kerajaan sektor kemanusiaan dan sukarelawan dengan matlamat yang sama iaitu membantu rakyat menangani bencana. Sehingga kini, seramai 27,000 orang sukarelawan dan pemain-pemain sektor kemanusiaan dan sukarelawan telah mendaftar sebagai Rakan NADMA sejak ia ditubuhkan pada 2016.

###

Disediakan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat
Agensi Pengurusan Bencana Negara**